



ديوان بندر كوالالمپور

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
TINGKAT 5, BANGUNAN TH PERDANA
1001 JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR
PETI SURAT 11022



Bil (56) dlm.DBKL/JPPH/COB/ADMIN/48
5 Disember 2016
5 Rabiulawal 1438

Pengerusi
Badan Pengurusan Bersama (JMB)/
Perbadanan Pengurusan (MC)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Yg. Bhg Dato', Tuan/Puan

MAKLUMAN PELAKSANAAN OPERASI KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN OLEH PEGAWAI DAN KAKITANGAN DBKL DI KAWASAN JMB/MC

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melaksanakan Operasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran pemilik-pemilik harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Operasi ini telah bermula pada 1 Disember 2016 yang lalu hingga 31 Disember 2016 dari jam 9.00 pagi hingga 7.00 malam sahaja.

3. Sehubungan itu, selaras dengan peruntukan kuasa di bawah peruntukan **seksyen 110 dan 111 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**, pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) dikehendaki memberikan kerjasama seperti berikut:

- 3.1 Memaklumkan kepada pihak keselamatan kawasan pemajuan untuk memberi kerjasama akan kebenaran kepada pegawai/kakitangan DBKL untuk masuk ke kawasan pemajuan dan seterusnya ke premis pemilik harta;
- 3.2 Membenarkan pegawai/kakitangan DBKL mengambil beberapa keeping gambar untuk rujukan berkaitan harta tersebut untuk tujuan rekod; dan
- 3.3 Mohon untuk menyemak pas kerja dan surat wakil kuasa pegawai/kakitangan DBKL tersebut sebelum memberi kebenaran masuk dalam melaksanakan operasi kutipan tunggakan cukai taksiran.

...2/-




4. Kerjasama dan perhatian dari pihak Yg. Bhg Dato',Tuan/Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG"

Saya yang menurut perintah,



(Sr. HJ KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH) *ni*

Ketua Sektor

Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

b.p. Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

s.k Bahagian Pengurusan Hasil

Jabatan Kewangan

(u.p: Puan Zainab binti Hamzah)

- Untuk makluman puan